



**JABATAN HUTAN SARAWAK
NOTIS SEBUT HARGA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan dan perkhidmatan berikut:-

No. Ruj. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Pendaftaran UPKJ			Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan/ Penjualan Dokumen Sebut Harga	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga
		Jenis Lesen: Bekalan Dan Perkhidmatan					
		Kategori	Kepala	Sub Kepala			
FD/Q/07/2024(S)	PERKHIDMATAN MENYUKAT, MENJAHIT, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAJU KORPORAT UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN BAGI IBU PEJABAT JABATAN HUTAN SARAWAK UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN <i>AS AND WHEN REQUIRED BASIS</i>	C	VI	2(a)	10.00	23 Oktober 2024 (Rabu) Waktu diedar (Isnin – Khamis) 8:30am - 12:30pm 2:30 pm – 4:30pm (Jumaat) 8:30am - 11:00am 2:30pm – 4:30pm	24 Oktober 2024 (Khamis) 12.00 tengahari

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) sebelum dokumen Sebut Harga dijual kepada pembekal / kontraktor yang layak.
3. Bayaran Yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** atau **S Pay Global** yang dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak**.
4. Contoh Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **17 Oktober 2024 (Khamis) hingga 23 Oktober 2024 (Rabu)** pada waktu pejabat di alamat **Tingkat 13 (Sayap Kanan), Ibu Pejabat Jabatan Hutan Sarawak, Bangunan Baitul Makmur II, Medan Raya, 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak**.
5. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah.

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Tingkat 14 (Sayap Kiri), Ibu Pejabat Jabatan Hutan Sarawak
Bangunan Baitul Makmur II, Medan Raya
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak**

6. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"**

**[DATU HAJI HAMDEN BIN HAJI MOHAMMAD]
Pengarah Hutan
SARAWAK**

Tarikh: 17 Oktober 2024

Nota penting: Notis sebut harga ini hendaklah dipamerkan di Papan Kenyataan Kementerian/Jabatan tujuh (7) hari berturut-turut sepanjang tempoh pelawaan sebut harga.